

30 OCT 2002

PAS-Pusat

PAS BANTAH PENUBUHAN PUSAT MEMERANGI KEGANASAN

KUALA LUMPUR, 30 Okt (Bernama) -- PAS membantah persetujuan kerajaan untuk menempatkan pusat latihan serantau memerangi keganasan seperti yang dicadangkan oleh Amerika Syarikat.

Anggota jawatankuasa pusat PAS Mohamad Sabu berkata satu memorandum bantahan akan dikemukakan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata hasrat membenarkan penubuhan pusat itu perlu dikaji demi kepentingan negara pada masa depan.

"Kita khuatir pendekatan ini akan mendatangkan bahaya dan tidak membawa kebaikan kepada kita," katanya pada sidang media di lobi Parlimen di sini hari ini.

Mohamad yang juga Anggota Parlimen Kuala Kedah berkata, keputusan kerajaan itu juga menunjukkan bahawa Malaysia dan Asean seolah-olah tidak berupaya menangani keganasan.

Penubuhan pusat itu juga akan mengundang kemasukan agen perisik asing, katanya.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ketika bertemu Presiden Amerika Syarikat George W. Bush di Los Cabos, Mexico, Ahad lepas telah menyatakan persetujuan Malaysia menjadi tuan rumah pusat latihan itu.

Isnin lepas Mohamad mengemukakan usul menangguhkan dewan mengikut Peraturan 18(1) bagi membincangkan isu penubuhan pusat latihan serantau itu.

Yang Dipertua Dewan Rakyat Tun Dr Mohamed Zahir Ismail bagaimanapun hari ini menolak usul itu dengan alasan Timbalan Perdana Menteri memberi persetujuan secara dasar sahaja.

"Syarat-syarat dan terma-terma yang bersabit belum lagi dipersetujui, jika terma-terma itu tidak dipersetujui, tentulah pusat ini tidak akan ditubuhkan," kata Dr Mohamed Zahir dalam surat penolakan kepada Mohamad.

-- BERNAMA

RZS RZS MOZ